

LAPORAN PEMERHATIAN

Pihak Persatuan Bertindak Pilihan Raya Bebas dan Saksama (“Tindak”), salah satu badan bukan kerajaan yang memberi tumpuan kepada pembaharuan sistem pilihan raya, baru - baru ini mengambil bahagian dalam proses pemerhatian Pilihan Raya Negeri DUN Johor Ke-16. Kerja Pemerhati ini merupakan kali pertama untuk Tindak sejak penubuhan persatuan pada tahun 2025 (sebelum ini, pihak kami telah mengambil bahagian Program Pemerhati 15 kali di bawah panji Tindak Malaysia). Pihak kami memerhati proses pengundian pada Hari Undi Pos (Pengeluaran, Pembukaan dan Pengiraan), Semakan Isi Peti Undi, Hari Undi Biasa (Pengundian) dan Penjumlahan Undi Rasmi. Berikut adalah maklumat - maklumat ringkas mengenai proses pemerhatian dari pihak Tindak.

PASUKAN

Pihak Tindak menghantar dua orang Pemerhati iaitu

1. Tan Yiok Hoe (Bekas Pemerhati Pilihan Raya Kecil Tanjung Piai 2019, Pilihan Raya Negeri Johor 2022, Pilihan Raya Umum (Pagoh) 2022, Pilihan Raya Kecil Pulau (2023), Pilihan Raya Kecil Mahkota 2024).
2. Aaron Lim Hong Rong (Calon Pemerhati kami baru yang melalui bilangan latihan minima daripada Tindak).

Fokus kami untuk Program Pemerhati Pilihan Raya Negeri Johor (DUN Bukit Pasir dan DUN Skudai) ialah:

- 1) Undi Pos (untuk DUN Skudai sahaja)
- 2) Semakan Isi Peti Undi (untuk DUN Skudai sahaja)
- 3) Undi Biasa (DUN Bukit Pasir dan DUN Skudai)
- 4) Penjumlahan Undi Rasmi (untuk DUN Skudai sahaja)

Berikut adalah sekolah - sekolah yang diperhati oleh pasukan kami untuk Hari Undi Biasa:

Skudai

- 1) Sekolah Kebangsaan Taman Impian Emas, Skudai
- 2) Sekolah Menengah Kebangsaan Impian Emas, Skudai
- 3) Sekolah Kebangsaan Taman Damai Jaya, Skudai
- 4) Sekolah Kebangsaan Sekudai Batu 10, Skudai

Bukit Pasir

- 5) Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Kim Kee, Bukit Pasir
- 6) Sekolah Kebangsaan Kota Raja, Panchor
- 7) Sekolah Kebangsaan Sungai Raya, Muar
- 8) Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil Ladang Temiang Renchong
- 9) Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Yu Jern, Muar
- 10) Sekolah Kebangsaan Sri Bukit Pasir, Bukit Pasir
- 11) Sekolah Kebangsaan Temiang
- 12) Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Aik Ming
- 13) Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Wee Sin

CIRI PEMERHATIAN 1: SEBELUM HARI PENGUNDIAN

Pemerhatian Negatif

DUN Bukit Pasir

1. Pengagihan pusat mengundi kepada Daerah Mengundi tidak menunjukkan apa-apa penambahbaikan daripada pihak Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) walaupun isu pernah diketengahkan oleh pihak Tindak Malaysia sewaktu Pilihan Raya Negeri Johor (DUN Bukit Pasir) 2022. Nama - nama diwarnai merah bermaksud isu pengagihan pusat mengundi kepada daerah mengundi berulang dari tahun 2022 ke tahun 2026

Situasi 2026

Daerah Mengundi	Pusat Mengundi	Kedudukan Geografi (Daerah Mengundi)
Sungai Terap	Ma'had Tahfiz Al-Quaran Al-Muttaqin	Sungai Raya
Permatang Pasir	SK Sri Bukit Pasir	Pekan Bukit Pasir Barat
Pekan Bukit Pasir Utara	SMK Bukit Pasir	Sungai Raya
Pekan Bukit Pasir Selatan	SJK (T) Ladang Temiang Renchong	Bukit Pasir
Bukit Pasir	SK Paya Panjang	Jorak

Bukit Treh	SJK (C) Aik Ming	Temiang
------------	------------------	---------

Situasi 2022 (Pilihan Raya Negeri)

Daerah Mengundi	Pusat Mengundi	Kedudukan Geografi (Daerah Mengundi)
Sungai Terap	Ma'had Tahfiz Al-Quaran Al-Muttaqin	Sungai Raya
Permatang Pasir	SK Sri Bukit Pasir	Pekan Bukit Pasir Barat
Pekan Bukit Pasir Utara	SMK Bukit Pasir	Sungai Raya
Pekan Bukit Pasir Selatan	Dewan JKKK Bukit Pasir	Pekan Bukit Pasir Barat
Bukit Pasir	SK Paya Panjang	Jorak

DUN Skudai

1. Pengagihan pusat mengundi kepada Daerah Mengundi di Skudai mengalami situasi sama dengan Bukit Pasir. Pihak kami mencadangkan Bandar Skudai Timor dicantumkan dengan Bandar Skudai Tengah

Daerah Mengundi	Pusat Mengundi	Kedudukan Geografi (Daerah Mengundi)
Sri Skudai	Sekolah Agama An-Nur Batu 10 Skudai	Bandar Skudai Barat
Bandar Skudai Timor	SJK (C) Pu Sze	Bandar Skudai Tengah
Hang Tuah	SK Taman Skudai Baru	Nakhoda Tuta
Desa Skudai	SK Sri Skudai	Sri Skudai
Hang Jebat	SMK Taman Selesa Jaya 2	Sri Sinding
Skudai Utara	SJK (C) Kuo Kang	Laksamana Tuta

Singkatan akan diguna:

SK - Sekolah Kebangsaan

SJK - Sekolah Jenis Kebangsaan (C - Cina, T - Tamil)

SMK - Sekolah Menengah Kebangsaan

CIRI PEMERHATIAN 2: PENGELUARAN UNDI POS

DUN Skudai

Pemerhatian Positif

1. Semua stesen (stesen di sini merujuk kepada kelompok meja) dianggotai dengan bilangan kakitangan undi pos dan ejen parti politik yang mencukupi (tiga wakil Pakatan Harapan dan seorang Bersama).
2. Ejen parti politik di setiap stesen dilibatkan bersama dengan kakitangan dalam proses pengeluaran undi pos. Prosedur yang dijalankan oleh kakitangan dinyatakan dengan jelas kepada mereka. Contohnya, nama pengundi disebut dengan jelas oleh ketua stesen supaya ejen politik boleh menandakan nama pengundi yang disebut dengan betul.
3. Bilangan kertas undi pos yang diurus di setiap stesen adalah rata-rata seimbang, iaitu 100 keping setiap stesen, (ada satu stesen mempunyai 117 keping kerana perlu uruskan warganegara perantau) Ini telah mengelakkan kesilapan pengeluaran kertas undi pos.

Pemerhatian Negatif

1. Tiada

CIRI PEMERHATIAN 3: SEMAKAN ISI PETI UNDI

Pemerhatian Positif

DUN Skudai

1. Stesen lapor diri dianggotai dengan bilangan petugas yang mencukupi dan semua petugas telah sampai ke tempat taklimat dengan tertib dalam masa 25 minit sebaik sesi daftar diri pertama dijalankan pada 9:15am.
2. Dua pembesar suara telah dipasang berjauhan sesama sendiri, dan membolehkan suara dari mikrofon dapat didengar dengan sangat jelas oleh pemerhati serta semua Ketua Tempat Mengundi (KTM) yang duduk di belakang.
3. Bilangan fasilitator dari kalangan staf Majlis Bandaraya Iskandar Puteri (MBIP) di pusat semakan peti undi mencukupi, dan ada juga banyak KTM yang berpengalaman yang sudi membimbing KTM baharu walaupun dari daerah mengundi yang berbeza.
4. Pembantu Pegawai Pengurus dapat mengawal sesi penyemakan dengan teratur kerana arahan yang diberi oleh beliau adalah jelas dan ringkas. Beliau tegas dengan semua

KTM untuk mengikut arahan yang diberi, iaitu semak set satu demi satu apabila menyemak set peti undi supaya semua boleh mengikut sesi semakan dengan lancar.

Pemerhatian Negatif

1. Pihak Sekretariat Pemerhati SPR tidak menerima maklumat betul mengenai permulaan masa semakan Isi Peti Undi (SPR memberitahu pihak Pemerhati Tindak bahawa sesi bermula pada pukul 8 pagi, tetapi waktu betul ialah 9.30 pagi).
2. Bilangan kerusi sungguh sedikit sehingga menyebabkan banyak KTM terpaksa beratur sampai ke anak tangga.
3. Barisan beratur (batang pemisah) tidak mencukupi sehingga menyebabkan baris beratur berterabur.
4. Projektor diletakkan di tempat yang amat senget, menyebabkan pemerhati tidak boleh mengetahui perkembangan semakan peti undi terkini melalui skrin dan menyusahkan KTM yang rabun teruk untuk melihat dari jauh.
5. Semua KTM terpaksa duduk bersila di lantai atas alasan luas Dewan Serbaguna Skudai yang tidak mencukupi yang diberi oleh RO. Ini telah menyebabkan KTM yang terdiri daripada kebanyakannya warga pendidik di sekitar DUN Skudai, mengalami ketidakselesaan anggota kaki mereka semasa bergerak keluar dan duduk.
6. Tempat Semakan Isi Peti Undi tidak mempunyai tandas yang mencukupi

CIRI PEMERHATIAN 4: HARI PENGUNDIAN BIASA

DUN Skudai

Pemerhatian Positif

1. Kerani pengundian pertama berhenti seketika sebelum menyebut maklumat pengundi dengan jelas, supaya membenarkan Ejen Tempat Mengundi, Ejen Mengira Undi dan Ejen Barung (PACABA) dan kerani-kerani lain untuk mencatat nama pengundi terbabit.
2. Kebanyakan saluran meletakkan kerusi pada pintu keluar dan masuk untuk memudahkan pergerakan pengundi setelah selesai membuang undi.
3. Kedudukan pemerhati yang disediakan di setiap saluran adalah sesuai dan tidak terhalang oleh mana-mana objek.
4. Petugas bersikap mesra terhadap pengundi Orang Kurang Upaya (OKU) fizikal dan mobiliti terhad seperti membenarkan pengundi yang mobiliti terhad untuk menumpang undi di saluran yang lebih dekat.
5. Petugas-petugas dan polis telah digerakkan untuk mengawal lalu lintas trafik di pusat mengundi semasa hujan.
6. Panjang beratur di setiap saluran adalah terkawal dan setiap pengundi dapat menyelesaikan urusan mengundi mereka dalam masa yang singkat dan teratur.

Pemerhatian Negatif

1. Kebanyakan petugas tidak mengarahkan para pengundi untuk menyimpan telefon bimbit di kotak yang disediakan sebelum membuang undi. Semua pengundi terus membuang undi mereka dengan memegang telefon bimbit masing-masing.
2. Pegawai penyelia pusat mengundi SK Taman Impian Emas telah melanggar garis panduan pilihanraya yang ditetapkan oleh SPR, contohnya:
 - Melarangkan para pengundi yang memakai seluar pendek, dan tidak melebihi lutut untuk membuang undi akibat alasan bahawa sekolah ialah premis kerajaan
 - Melarangkan pengundi yang membawa lesen memandu digital melalui paparan aplikasi MyJPJ untuk mengundi
 - Menghalang pemerhati daripada memerhati proses penutupan peti undi serta proses pengundian di dalam semua saluran akibat alasan bahawa pemerhati politik serta ejen pengundi sahaja yang boleh memasuki saluran. Walaupun pemerhati telah mengeluarkan maklumat lantikan sebagai pemerhati serta surat akuan simpan rahsia kepada beliau, beliau tetap melarangkan pemerhati untuk menjalankan tugasnya dan akhirnya terpaksa mengusirnya daripada sekolah sepanjang masa pengundian kerana menuduhnya mengganggu saluran pertama sebanyak dua kali.

Nota: Penghalangan tugas pemerhati tidak berlaku di sekolah-sekolah lain setelah penerangan tugas pemerhati kepada pegawai penyelia terbabit telah diberi. Pemerhati dapat memerhati di semua saluran dengan sempurna.

3. Terdapat halangan yang memerlukan pengundi berkerusi roda untuk ditarik dari belakang oleh petugas untuk mengundi di semua saluran pertama yang diperhatikan.
4. Tempat pemerhati yang disediakan di pusat penjumlah undi adalah tidak sesuai kerana menghalang penglihatan pemerhati daripada mengenal pasti nombor peti undi yang belum dihantar. Akibatnya, pemerhati terpaksa melihat nombor peti undi yang belum dihantar dari skrin projektor yang sangat jauh dan kabur daripada tempat duduknya.
5. Di sesetengah pusat mengundi, terdapat kekurangan dari segi bilangan parkir kereta (contoh, SK Taman Damai Jaya dan SK Taman Impian Emas)

DUN Bukit Pasir

Pemerhatian Positif

1. Bagi SK Kota Raja (Panchor), petugas pilihan raya di kawasan ini sangat baik. Pemerhati melihat mereka telah berusaha sedaya upaya untuk melindungi para pengundi walaupun jumlah payung yang ada tidak mencukupi. Pemerhati telah mengemukakan satu cadangan kepada KTM di Saluran 4 untuk mempercepatkan proses semakan pengundi. Daripada hanya Kerani Pengundian (KP) 1 menjalankan semakan, KP2 boleh serentak menyemak wajah dan jari pengundi selepas KP1 mengesahkan kad pengenalan serta menemui nama pengundi dalam buku daftar. Ini boleh membantu mempercepatkan proses.

2. Penggunaan tanjakan di sesetengah pusat mengundi untuk membantu pengundi yang mempunyai kerusi beroda atau tua untuk mengundi.

Pemerhatian Negatif

1. Untuk sesetengah pusat mengundi, terdapat kekurangan dari segi kapasiti untuk bilangan parkir untuk kereta (contoh, SK Sri Bukit Pasir). Ini mengakibatkan kesesakan jalan raya di hadapan pusat mengundi
2. Di SK Sungai Raya, beberapa saluran mempunyai kekurangan dari segi penandaan nombor saluran. Terdapat isu pengurusan trafik untuk sekolah tersebut.
3. Di sesetengah kawasan, beberapa KTM tidak mempunyai pengetahuan mengenai kelancaran berkaitan turutan tanggungjawab KP1, KP2 dan KP3. Ini telah menyebabkan beban kerja untuk sesetengah KP1 telah meningkat.

CIRI PEMERHATIAN 5: PENGIRAAN UNDI POS (TERMASUK PEMBUKAAN UNDI POS)

DUN Skudai

Pemerhatian Positif

1. Petugas-petugas melibatkan pemerhati bersama-sama ejen mengira undi untuk menentukan kertas undi yang diragui sama ada diterima atau ditolak. Alasan yang diberi kepada mereka oleh pegawai adalah ringkas dan padat .
2. Jarak antara meja ejen mengira undi dan petugas adalah dekat dan mereka boleh memberi respons yang spontan untuk mengesahkan atau mencabarkan kertas undi pos yang dipamerkan untuk disemak semula di kotak "Ragu".

Pemerhatian Negatif

1. Tiada

CIRI PEMERHATIAN 6: PENJUMLAHAN UNDI RASMI

DUN Skudai

Pemerhatian Positif

1. Proses penjumlahan undi rasmi bergerak secara lancar

Pemerhatian Negatif

2. Tiada

CADANGAN - CADANGAN UNTUK SPR

1. SPR perlu mengkaji semula pengagihan pusat mengundi kepada daerah mengundi untuk memastikan pengundi boleh sampai ke pusat pengundian secara senang.
2. Untuk mana-mana semakan isi peti undi, pihak RO perlu menentukan satu dewan yang sesuai di mana kerusi dan meja boleh disediakan kepada pihak KTM dan Kerani Pengundian.
3. Melaksanakan kawalan trafik di sekolah-sekolah yang dijadikan daerah mengundi dengan bilangan pengundi yang ramai. Contohnya, mengadakan jalan sehala mengikut waktu pengundian dari 7:30am sehingga 6pm.
4. Menghantar senarai nama pemerhati yang dibenarkan memerhati di dalam saluran kepada semua pegawai penyelia di DUN jagaan mereka dua hari sebelum hari mengundi dijalankan. Pastikan pegawai penyelia telah memberi taklimat lengkap dan terkini kepada pemerhati dan para petugas mengikut prosedur standard SPR sahaja untuk mengelakkan perselisihan faham.
5. Pihak RO dan semua petugas di bawah RO perlu memahami peraturan ditetapkan oleh SPR dari tatacara pemakaian hingga penggunaan lesen digital memandu JPJ. Pihak RO dan pasukan mereka perlu diberi amaran untuk tidak membuat peraturan tersendiri yang bercanggah dengan pihak SPR.
6. Para pemerhati haruslah diletakkan di aras bawah tempat penjumlahan undi untuk menjalankan pemerhatian mereka supaya mereka terus ambil tahu akan pergerakan terkini peti undi di setiap saluran dari masa ke semasa.
7. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menyiarkan hebahan maklumat kepada orang awam melalui Facebook dan RTM sebelum setiap hari pengundian. Hebahan tersebut hendaklah menerangkan secara ringkas perkara yang boleh dan tidak boleh dilakukan oleh pengundi, termasuk kod pemakaian, dokumen pengenalan diri yang diterima, dan tatacara penting semasa mengundi. Langkah ini dapat mengurangkan salah faham dan pertikaian antara pengundi dengan petugas pilihan raya, termasuk Penyelia Pusat Mengundi dan pengawal keselamatan.

SEKIAN, TERIMA KASIH

MAKLUMAT OLEH:

AARON LIM HONG RONG

TAN YIOK HOE

PEMERHATI PILIHAN RAYA NEGERI JOHOR

TINDAK

DISUNTING OLEH:

DANESH PRAKASH CHACKO

PENGERUSI

TINDAK

23.7.2026

LAMPIRAN

Gambar - Gambar mengenai Program Pemerhati

DUN Bukit Pasir

Gambar 1: Panji Barisan Nasional (BN) sedang dipindah



Gambar 2: SJK (C) Yu Jern pada hari pengundian (sebelum waktu permulaan pengundian)




Gambar 3: SJK (T) Ladang Temiang Renchong



Gambar 4: Barung Kaunter Semakan Daftar Pemilih di Sekolah Kebangsaan Sungai Raya



Gambar 5: Tanjakan kerusi roda disediakan di saluran pertama di Sekolah Kebangsaan Kota Raja.



Gambar 6: Kesesakan lalu lintas di daerah mengundi bagi Sekolah Kebangsaan Sri Bukit Pasir



Gambar 7: Poster calon Perikatan Nasional telah diletakkan dalam sempadan 50m dari Sekolah Kebangsaan Sungai Raya.



Gambar 8: SJK (C) Aik Ming mempunyai isu kekurangan kawasan parkir kereta



Gambar 9: Gambar Pemerhati kami sewaktu pemerhatian di SJK (C) Wee Sin, Tanjung Selabu



DUN Skudai

Gambar 1: Ketua-Ketua Tempat Mengundi (KTM) bagi DUN Skudai terpaksa berdiri di luar sewaktu penungguan bagi Semakan Isi Peti Undi.



Gambar 2: Pemisah bagi pendaftaran KTM bagi Semakan Isi Peti Undi patut dipanjangkan



Gambar 3: Ketiadaan meja dan kerusi untuk pihak KTM dan Kerani Pengundian (KP) untuk membuat semakan isi peti undi



Gambar 4: Kedudukan Projektor tidak yang sesuai tidak memberi paparan terbaik kandungan dikemukakan oleh pihak RO



Gambar 5: Gambar Pemerhati kami di DUN Skudai di Sekolah Kebangsaan Taman Impian Emas



[illegible]

Gambar 7: Pusat Penjumlahan Undi Rasmi DUN Skudai

